

NOTIS SEBUTHARGA

(TAWARAN TERBUKA)

Sebutharga adalah di pelawa daripada kontraktor-kontraktor dengan pendaftaran masing-masing yang masih sah laku selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berikut:-

Bil	No.Kontrak	Tajuk Sebutharga	Bidang Pendaftaran & Syarat Kelayakan	Tarikh & Masa Lawatan Tapak	Tarikh Tutup (Sebelum Jam 12.00 Tengah Hari)
1.	QUO/FA/043/20(E)	PROPOSED REPLACEMENT AND SERVICING OF DAF PLANT ELECTRICAL STARTERS & DISPLAY UNITS AT SG.DUA WTP.	<p>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) - (Maklumat Perniagaan) DAN Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Permit IPA Jenis D (Bekalan Air) DAN Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Grade G1 atau G2 atau G3 Category E04 dan E11</p>	<p>20/05/2020</p> <p>Di Hadapan pintu masuk utama Loji Rawatan Air Sungai Dua</p> <p>Jam 10.00pagi</p> <p>(WAJIB)</p>	01/06/2020

Lawatan tapak bagi Sebutharga ini adalah mengikut tarikh yang ditetapkan seperti di atas. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai lesen seperti di atas dan berminat hendaklah berkumpul di tempat tersebut di atas. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen sebutharga **tidak akan dijual** pada mana-mana kontraktor yang gagal menghadiri sesi lawatan tapak dengan sepenuhnya pada hari tersebut.

Dokumen sebutharga akan mula dijual di Jabatan Perancang dan Pembangunan, L4, ICT, Fasa 1B, Tingkat 4, Kompleks Tun Abdul Razak, Jalan Penang, 10000 Pulau Pinang mulai **20hb Mei 2020** pada waktu pejabat (**9.00 pagi hingga 4.00 petang**). Harga dokumen sebutharga adalah **RM30.00** senaskah dan bayaran harus dibuat dalam bentuk wang tunai atau Bank Deraf atas nama Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Dokumen sebutharga hanya akan dijual kepada Wakil Kontraktor yang sah. Untuk maksud ini wakil kontraktor bagi sebutharga ini hendaklah menghadiri dan membawa **Surat asal Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Surat asal Pendaftaran dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Surat asal Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta satu salinan fotostatnya** untuk simpanan pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

Dokumen Sebutharga hendaklah dihantar melalui sampul surat yang dimeteri dan ditandakan dengan tajuk sebutharga di sudut sebelah kiri dan dialamatkan kepada:-

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.
L4, ICT, FASA 1B, TINGKAT 4,
KOMTAR, 10000 PULAU PINANG.

Dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Perancangan dan Pembangunan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. L4, ICT, Fasa 1B, Tingkat 4, Komtar, 10000 Pulau Pinang sebelum 12.00tgh.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF